



PASUKAN KHAS JIHAD MENANGANI INFLASI

KENYATAAN MEDIA EDISI KE 19 | 29 SEPTEMBER 2022

1. Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi (PKJTI) telah mengadakan pertemuan yang ke SEMBILAN BELAS (19) hari ini dan telah membincangkan beberapa isu berkaitan langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah inflasi dan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat.
2. Mesyuarat hari ini menerima Laporan Mingguan berkenaan JMKM @ De Dagang oleh MDEC bagi tempoh 12 hingga 17 September 2022. Dianggarkan sejumlah 10 juta rakyat telah menerima manfaat dalam bentuk diskaun, rebat dan subsidi penghantaran. Sejumlah 241 ribu peniaga mendapat manfaat di mana 49 ribu darinya adalah peniaga baru dan 91 ribu adalah pengusaha wanita. Sejumlah RM543.47 juta nilai barangan dagangan telah dijana melalui 11 juta transaksi urusniaga pada minggu ketiga pelaksanaan. Ini juga bermakna pengguna turut menikmati manfaat dan penjimatan melalui diskaun dan rebat yang diberikan kepada mereka. Untuk makluman, RM15.77 juta merupakan sumbangan dari Kerajaan yang sebahagian besarnya dimanfaatkan dalam sektor Pelancongan dan Kraftangan.
3. Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) telah dilaksanakan di 566 DUN atau 89% bagi tempoh sehingga 25 September 2022 berbanding 81% sebelum ini. Berdasarkan maklumat yang diterima dari kementerian peneraju, JMKM akan terlaksana di semua DUN pada hujung minggu ini.
4. Hari ini KUSKOP telah membentangkan logo Program Jualan Murah keluarga Malaysia (JMKM) Siswa di mana mesyuarat telah membincangkan aspek logistik, pemasaran, peruntukan dan kaedah pelaksanaan JMKM Siswa ini dapat dilaksanakan segera bermula pada 16 Oktober 2022 bersempena dengan pembukaan semula IPT di Malaysia yang melibatkan 589,879 siswa. Projek RIntis ini akan dilaksanakan bermula di 20 kampus yang kemudiannya akan di kembangkan ke semua IPTA seluruh negara.
5. Mesyuarat menerima laporan dari Penguat Kuasa KPDNHEP bahawa bekalan dan harga ayam di peringkat borong dan runcit berada dalam keadaan stabil di mana harga purata ayam standard bersih sekarang berada pada paras RM8.78 sekilo.

6. Mesyuarat menerima laporan berkenaan kekurangan telur gred A, B dan C di pasaran. Jawatankuasa Teknikal akan bertemu dengan persatuan penternak telur pada hari Isnin sebelum sesuatu tindakan diputuskan dan diumumkan pada mesyuarat akan datang.
7. Mengenai ketirisan minyak masak disebabkan dari penyeludupan yang telah dapat dikurangkan melalui pelaksanaan Ops bersepadu bersama agensi penguatkuasa yang lain.
8. Mesyuarat menerima pembentangan berkenaan dengan dengan JMKM Siswa dari KUSKOP yang di peringkat akhir persediaan sebelum dilancarkan pada 16 Oktober 2022.

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)
PENGERUSI MESYUARAT PASUKAN KHAS JIHAD TANGANI INFLASI KE 19**

29 September 2022